



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

ILMU LANDSKAP MELAYU BERDASARKAN KARYA MELAYU TRADISIONAL

Oleh

HASRINA BINTI BAHARUM



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**Tesis ini diserahkan untuk
Memenuhi keperluan bagi
Ijazah Doktor Falsafah**

Oktober 2015



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**ISI KANDUNGAN****HALAMAN**

Penghargaan	ii
Isi Kandungan	iii
Senarai Rajah	vi
Abstrak	vii
<i>Abstract</i>	viii

BAB 1 - PENGENALAN

1.1	Latar Belakang	1
1.2	Permasalahan Kajian	7
1.3	Objektif Kajian	10
1.4	Kepentingan Kajian	17
1.5	Metodologi Kajian	19
1.5.1	Kaedah Kajian	19
1.5.2	Kerangka Teori	20
1.6	Batasan Kajian	30
1.7	Kajian Terdahulu	31
1.8	Organisasi Penulisan	40
1.9	Kesimpulan	42

BAB 2 – KERANGKA KONSEPTUAL KAJIAN

2.1	Landskap Melayu	44
2.2	“Theory of Landscape Aesthetics”	55
2.3	Kesimpulan	68





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

BAB 3 – PERANAN LANDSKAP DALAM MASYARAKAT MELAYU

3.1	Pengenalan	70
3.2	Peranan Landskap	71
3.2.1	Mekanisme Perlindungan dan Pertahanan	71
3.2.2	Sumber Makanan dan Air	82
3.2.3	Lambang Identiti dan Prestij Raja Melayu	94
3.2.4	Mengisi Keperluan Emosi	97
3.2.5	Prasarana Aktiviti Kebudayaan	107
3.2.6	Sumber Perubatan	112
3.2.7	Mengisi Keperluan Agama	116
3.3	Kesimpulan	121

BAB 4 – ILMU MENGENAL TAPAK

05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

4.1	Pengenalan	123
4.2	Kaedah Menentukan Tapak	124
4.2.1	Kedudukan Tanah Senget	125
4.2.2	Kewujudan Air	128
4.2.3	Warna Tanah dan Rasa	129
4.2.4	Keadaan Susuk Muka Bumi	131
4.2.5	Arah Matahari	134
4.2.6	Kewujudan Makhluk Halus	136
4.2.7	Peristiwa Luar Biasa	139
4.2.8	Faktor Geografi	145
4.3	Kesimpulan	146



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

BAB 5 – ILMU MENGGUBAH LANDSKAP

5.1	Pengenalan	149
5.2	Landskap Ibu Kota Kerajaan Melayu	150
5.3	Landskap Istana Raja Melayu	168
5.4	Landskap Taman Raja Melayu	205
5.5	Kesimpulan	243

BAB 6 – PRINSIP LANDSKAP MELAYU

6.1	Pengenalan	245
6.2	Prinsip-prinsip Landskap Melayu	249
6.2.1	Pembangunan landskap untuk keperluan biologi	249
6.2.2	Pembangunan landskap untuk keperluan budaya	267
6.2.3	Pembangunan landskap untuk ekspresi daya kreativiti	269
6.2.4	Pembangunan landskap untuk ekspresi luahan emosi	270
6.2.5	Pembangunan landskap untuk keperluan agama	274
6.3	Kesimpulan	281

BAB 7 – KESIMPULAN 283

Bibliografi	290
-------------	-----



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

SENARAI RAJAH DAN ILUSTRASI



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

		Halaman
Rajah 2.1	Konsep landskap Melayu	54
Rajah 2.2	“Theory of Landscape Aesthetics” (1988)	64
Rajah 2.3	“Theory of Landscape Aesthetics” (1990)	66
Rajah 6.1	Prinsip-prinsip landskap Melayu ke Arah Teori Estetika Landskap Melayu	248
Ilustrasi 5.1	Gambaran landskap ibu kota/ibu negeri kerajaan Melayu berdasarkan karya Melayu tradisional	154
Ilustrasi 5.2	Gambaran landskap istana raja Melayu berdasarkan karya Melayu tradisional	204
Ilustrasi 5.3	Gambaran landskap taman larangan berdasarkan karya Melayu tradisional	210
Ilustrasi 5.4	Gambaran landskap taman perburuan berdasarkan karya Melayu tradisional	214
Ilustrasi 5.5	Gambaran landskap taman kerohanian berdasarkan karya Melayu tradisional	225



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



Abstrak

Kajian tentang ilmu landskap Melayu dengan prinsip-prinsipnya yang tersendiri kurang dibahaskan secara khusus dalam kajian mutakhir kerana kekangan dalam mengumpulkan data, khususnya melalui kajian lapangan. Hal ini berpunca daripada arus pembangunan yang menyebabkan kebanyakan tapak kajian landskap Melayu tradisional telah bercampur aduk dengan unsur seni bina landskap moden hingga hilang keasliannya. Oleh itu kajian ini bermatlamat menetengahkan karya Melayu tradisional sebagai sumber utama untuk mengkaji landskap Melayu berdasarkan kosmologi budayanya sendiri. Hal ini boleh ditelusuri daripada dua sudut. Pertama, melalui kisah/isi kandungan teks yang menceritakan kaedah raja-raja Melayu memilih dan menentukan kesesuaian tempat untuk mendirikan ibu negeri atau istana (ilmu mengenal tapak). Kedua, melalui latar tempat teks yang menggambarkan kehebatan landskap ibu kota/ibu negeri kerajaan Melayu, taman raja-raja Melayu dan istana raja-raja Melayu (ilmu mengubah landskap). Karya Melayu tradisional juga merupakan medium terbaik untuk memahami cara masyarakat Melayu berinteraksi dengan landskapnya (melalui konteks cerita yang dipaparkan) yang perlu diketahui terlebih dahulu sebelum kajian tentang ilmu landskap Melayu dengan prinsipnya yang tersendiri dapat dilakukan. Kajian ini bertitik tolak daripada lima prinsip dalam "Theory of Landscape Aesthetics" oleh Bourassa (1988,1990), iaitu landskap sebagai tempat tinggal yang selamat, landskap sebagai tempat perlindungan, landskap sebagai simbol identiti, landskap sebagai medium mengekalkan kestabilan identiti budaya, dan landskap sebagai peluang mengekspresikan daya kreativiti individu. Dalam hal ini kajian mengupas sejauhmanakah prinsip-prinsip dalam teori tersebut menjadi keutamaan arkitek landskap Melayu zaman silam, iaitu raja-raja Melayu sendiri ketika memilih tapak untuk mendirikan negeri atau istana dan juga ketika mengubah landskap ibu kota, istana atau taman berdasarkan karya Melayu tradisional. Analisis terhadap karya Melayu tradisional mendapati landskap memainkan peranan penting dalam seluruh kehidupan masyarakat Melayu zaman silam sama ada dalam aspek biologiikal, budaya, kreativiti individu, agama, dan emosi. Kebergantungan terhadap landskap dalam memenuhi seluruh keperluan hidup tersebut menyebabkan masyarakat Melayu zaman silam menekankan prinsip-prinsip pembangunan landskap yang seimbang dan menyeluruh, iaitu yang dapat memenuhi keperluan hidup manusia dalam aspek jasmani dan rohani.



*Abstract*

The study of Malay landscape science with its own unique principles is rarely discussed specifically in recent studies due to constraints in data collection, especially through field studies. This is due to the development which has resulted in most traditional Malay landscape study sites jumbled with modern elements of landscape architecture to the point that they lose their authenticity. Therefore, this study aims to highlight the traditional Malay texts as the main source for studying Malay landscape based on its own cosmological culture. This can be approached from two angles. First, through the stories/contents of the texts which narrate the methods used by Malay rulers to select and determine the suitability of a particular location for the purpose of establishing a capital or a palace (the science of determining the site). Second, through the text background that describes the magnificence of the landscape of Malay kingdom capitals, gardens and palaces of Malay rulers (the science of composing the landscape). The traditional Malay texts are the best medium to understand how the Malay community interacts with the landscape (through the context of the stories) which must first be understood before the study of the science of Malay landscape with its own unique principles can be carried out. This study starts from the five principles in the "Theory of Landscape Aesthetics" by Bourassa (1988,1990), which stated the landscape as a safe place to live, the landscape as a place of refuge, the landscape as a symbol of identity, the landscape as a medium to maintain the stability of cultural identity, and the landscape as a medium to express individual creativity. In this respect, this study examines to what extent the principles in the theory is taken as a priority by the ancient Malay landscape architects, i.e. the Malay rulers themselves when choosing a site to build a kingdom or a palace and also when composing the landscape of a capital, palace or garden based on traditional Malay texts. Analysis of the traditional Malay texts found that landscape plays an important role in the overall life of ancient Malay community in terms of biological, cultural, individual creativity, religion, and emotion. The dependence on the landscape to meet all the needs of the community led to the ancient Malay emphasizing landscape development principles that are balanced and comprehensive, one that can meet the needs of human life in physical and spiritual aspects.





PENGENALAN

1.1 Latar Belakang

Perkembangan ilmu landskap untuk keperluan hidup telah wujud seiring dengan perkembangan tamadun manusia. Dalam perkembangan tamadun awal pada zaman Mesopotamia, telah ada usaha membangunkan sebuah landskap taman untuk kegunaan peribadi para raja. Misalnya, “The Hanging Gardens of Babylon” (605 SM) yang dibina oleh Raja Nebuchadnezzar untuk isterinya. Taman ini dibina bagi mengubati kerinduan isteri baginda terhadap kampung halamannya (William A.M., 1993, hlm. 60). Keluasan taman ini meliputi empat ekar, terdiri daripada teres-teres bertingkat dengan pelbagai tumbuhan dan dilengkapi saluran air. Ketinggiannya mencapai 300 kaki dan memberi pandangan lembah di sekitarnya. Kewujudan taman ini memperlihatkan pengusahaan ilmu landskap yang tinggi oleh bangsa Babylon sekitar 604-562 Sebelum Masihi.

Masyarakat Melayu yang hidup dalam kosmologi budayanya turut mempunyai konsep dan pemikiran tersendiri tentang landskap. Perkembangan ilmu landskap di alam Melayu dipercayai bermula sejak zaman dahulu lagi. Perkara ini boleh dibuktikan melalui karya Melayu tradisional seperti *Hikayat Malim Deman*, *Sulalatus Salatin/Sejarah Melayu*, *Misa Melayu*, *Bustan al-Salatin*, *Hikayat Inderaputera*, *Syair Siti Zubaidah*, *Syair Burung Nuri* dan banyak lagi (sekadar menyebut beberapa contoh). Dalam karya-karya tersebut dipaparkan tentang

kehebatan landskap ibu kota/ibu negeri sesebuah kerajaan, istana, dan juga taman raja-raja Melayu sebagai latar tempat teks ceritanya. Sebagai contoh, dalam *Syair Burung Nuri* terdapat pemerian tentang keindahan landskap Taman Banjaran Sari.

Tersebutlah pula suatu zaman,
Adalah konon sebuah taman,
Perbuatan indah terlalu nyaman,
Di situlah tempat cempaka budiman.

Hairannya konon taman bertara,
Indahnya tiada terkira-kira,
Habislah akal budi bicara,
Yang bertawakal burung di udara.

Rajawali burung yang nyata,
Keduanya dengan Burung Dewata,
Cenderawasih mara berkata,
Rupanya seperti gambar dipeta.

Pagarnya besi bercala-cala,
Disinarkan samsyi bernyala-nyala,
Eloknya tiada dapat dicela,
Di dalamnya ada suatu gemala.

Diperbuatnya pula kota batu,
Di tengahnya ada kolam suatu,
Terlalu indah tamannya itu,
Berbagai jenis ada di situ.

Timbangan perak tembaga suasa,
Bertatahkan awan berbunga beraksa,
Rajawali burung angkasa,
Ia berkawal sentiasa.

Bernama Taman Banjaran Sari,
Eloknya tiada lagi terperi,
Batunya nilam pasirnya urai,
Dibubuh intan nilam baiduri.

Di sanalah tempat cempaka warna,
Di dalam jambangan tanah kencana,
Sekalian kuntum ada di sana,
Tamannya Dewa Indera Laksana (Wahyunah Abdul Ghani, 2007, hlm. 9).

Kewujudan taman seperti yang diperikan dalam petikan di atas membuktikan pada zaman dahulu memang telah ada tukang atau arkitek landskap yang telah menguasai ilmu landskap dalam kerangka pemikiran mereka tersendiri sehingga dapat menghasilkan sebuah taman yang indah seperti Taman Banjaran Sari. Dalam petikan di atas, setiap elemen yang digunakan dalam pembinaan landskap taman tersebut mempunyai peranannya yang tersendiri sesuai dengan cara hidup golongan bangsawan atau atasan masyarakat Melayu. Penggunaan elemen emas, zamrud, dan nilam dalam gubahan landskap taman prestij raja-raja Melayu pada zaman dahulu. Sementara penggunaan flora dan fauna seperti tumbuh-tumbuhan dan unggas sebagai elemen reka bentuk taman tersebut menggambarkan betapa sumber tersebut penting sebagai sumber makanan, ubat-ubatan, dan elemen hiasan.

Karya Melayu tradisional turut membuktikan bahawa golongan yang memelopori ilmu landskap pada masa itu sebenarnya terdiri daripada raja-raja Melayu sendiri dan mereka dibantu oleh golongan bangsawan (pembesar) dan orang bawahannya. Buktinya dapat dilihat menerusi *Misa Melayu* yang menjelaskan peranan Sultan Iskandar sebagai arkitek landskap untuk istana baharunya di Pulau Indera Sakti. Hal ini dapat dilihat menerusi petikan yang berikut:

Ada pun yang di-jadikan kepada kerja Amar Diwangsa penghulu rantau Pachat, ia-lah dikatakan tukang istana itu, dan ia-lah sakai kepada Orang Kaya Besar-lah yang mempunyai kerja itu. Tetapi sungguh di-dalam sekian banyak itu, terlebih juga baginda yang tahu akan perbuatan mahligai itu (Raja Chulan, 1968, hlm. 91-92).

Petikan di atas menunjukkan bahawa pada zaman dahulu ilmu landskap Melayu dipelopori oleh golongan raja-raja Melayu, dan dibantu oleh pembesar istana, serta hamba-hamba raja. Sehubungan itu, ilmu landskap Melayu yang dikuasai oleh

masyarakat Melayu dalam kajian ini adalah merujuk kepada ilmu atau kepandaian yang dimiliki oleh raja-raja Melayu dalam memilih tapak dan menyusun atur, atau mengubah persekitaran sekeliling menjadi sebuah landskap ibu kota/ibu negeri, istana dan taman. Penguasaan masyarakat Melayu (yang diwakili oleh raja Melayu dan dibantu oleh orang bawahannya) dalam ilmu landskap seperti yang dibuktikan dalam karya Melayu tradisional merupakan sebahagian daripada kearifan tempatan bangsa tersebut.

Secara umumnya, kearifan tempatan merupakan sejumlah ilmu yang disimpulkan daripada pengalaman sebenar sesuatu bangsa dalam jangka waktu yang sangat panjang. Ilmu ini berakar umbi kepada budaya tempatan dan umumnya diterapkan dalam amalan masyarakat. Muhammad Haji Salleh (2011) menyimpulkan kearifan tempatan sebagai sekumpulan maklumat, petunjuk, nasihat, atau serangkaian ilmu untuk strategi kehidupan serta menjadi alat untuk kelangsungan dan kedinamikan suatu bangsa.¹ Antaranya termasuklah ilmu raksi, penujuman, pertanian, perkapalan, ilmu bintang, petua rumah tangga, dan juga ilmu perubatan. Sumber maklumatnya adalah pelbagai, sama ada melalui sumber bertulis atau tidak bertulis.

Heddy Shri Ahimsa-Putra (2011) mentafsirkan kearifan tempatan atau yang dipanggilnya kearifan lokal sebagai sejumlah ilmu pengetahuan dan amalan hidup masyarakat yang diwarisi daripada generasi sebelumnya. Ilmu ini diperoleh daripada pengalaman mereka berinteraksi sesama sendiri dan juga dengan masyarakat lain untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi secara baik, benar, dan bagus. Menurut

¹ Maklumat diperoleh daripada pembentangan UcapTama II *Persidangan Serantau Kearifan Tempatan* pada 10-11 Oktober 2011 di Tok Senik Resort, Pulau Langkawi, Kedah.

beliau, kewujudan kearifan lokal dapat dilihat melalui seni bina rumah, ubat-ubatan, seni pertukangan membuat perahu, seni bahasa dan sastra seperti mantra, pantun, falsafah serta pandangan hidup sesuatu masyarakat (Heddy Shri Ahimsa-Putra, 2011).²

Dalam konteks bangsa Melayu, kearifan tempatan sangat berhubung kait dengan kepustakaan ilmu tradisional. Harun Mat Piah et al., (2000, hlm. 261) melihat kepustakaan ilmu tradisional sebagai sebahagian daripada genre sastra Melayu tradisional. Menurutnya, genre ini meliputi karya-karya yang bersifat ilmu, iaitu berupa pengajaran, pemahaman dan amalan secara formal. Misalnya, ilmu bintang, ilmu penujuman atau ramalan, dan ilmu ubat-ubatan. Teks-teks ini menerangkan kepercayaan dan amalan masyarakat Melayu terhadap aspek-aspek yang berkenaan.

Contohnya, kepercayaan masyarakat Melayu terhadap bintang dan pengaruhnya dalam kehidupan manusia atau pun kepercayaan terhadap kuasa-kuasa ghaib dan benda-benda lain yang dihubungkan dengan penyakit dan ubat-ubatannya (Harun Mat Piah et al., 2000, hlm. 261).

Sehubungan itu, ilmu landskap Melayu dapat dilihat sebagai salah satu daripada bentuk kearifan tempatan atau kepustakaan ilmu tradisional Melayu yang boleh dikaji menerusi sejumlah karya Melayu tradisional. Dalam istilah yang lain, kajian tentang ilmu landskap Melayu juga berkait rapat dengan kajian etnosains dan etnoteknologi Melayu. Kajian etnosains³ dan etnoteknologi⁴ dalam bidang landskap

² Sumber diperoleh melalui pembentangan Ucaptama 1 oleh Heddy Shri Ahimsa-Putra (2011) dalam *Persidangan Serantau Kearifan Tempatan* pada 10-11 Oktober 2011 di Tok Senik Resort, Pulau Langkawi, Kedah.

³ Etnosains ialah satu bidang kajian berkaitan sejarah sesuatu ilmu pengetahuan yang pernah dikuasai oleh sesuatu masyarakat sejak awal kewujudan peradabannya, iaitu sebelum berlaku sebarang penjajahan kuasa luar ke atas peradaban dan tamadun bangsanya.

Melayu merupakan suatu usaha menyelidik dan mengetengahkan ilmu sains dan seni bina landskap yang telah dikuasai masyarakat Melayu pada zaman dahulu berdasarkan sumber tertentu. Dalam konteks kajian ini, sumbernya adalah daripada karya Melayu tradisional, sama ada berbentuk lisan atau tulisan.

Di Malaysia, kajian tentang kearifan tempatan yang berhubung dengan etnosains dan etnoteknologi merupakan satu bidang yang masih baharu. Walau bagaimanapun, bermula pada tahun 2011, Universiti Sains Malaysia (USM) mula mengorak langkah untuk menganjurkan beberapa siri seminar berhubung kajian kearifan tempatan Melayu dalam pelbagai bidang. Setakat ini, kajian tersebut telah diterokai sekumpulan penyelidik yang berpusat di Akademi Sains Islam Malaysia (ASASI).⁵ Institusi lain yang turut terlibat dalam penerokaan ilmu sains dan teknologi Melayu ialah Institut Kajian Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan terkini Universiti Institut Teknologi Mara (UiTM). Antara penyelidik yang aktif ialah Shahrir Mohamad Zain (2003), Mohammad Alinor bin Abdul Kadir (2005), dan Mat Rofa Ismail (2009), dan beberapa orang lagi.

Shahrir Mohamad Zain (2003), misalnya memelopori kajian etnosains dan etnoteknologi Melayu dalam bidang matematik dengan artikelnya, *Sains dan Teknologi Melayu Sebelum Penjajahan Melayu*. Selain itu, Mat Rofa Ismail (2009) pula menulis tentang *Ilmu Hikmah dalam Kajian Etnosains dan Etnomatematik Alam*

⁴ Menurut Heddy Shi Ahimsa-Putra (2003) istilah etnoteknologi dapat diertikan sebagai keseluruhan peralatan yang dimiliki oleh suatu masyarakat berserta cara pemakaiannya untuk menyelesaikan masalah dalam situasi tertentu. Dalam hal ini etnoteknologi dihasilkan dan dikembangkan sendiri oleh masyarakat tersebut dan diwariskan daripada satu generasi kepada generasi seterusnya.

⁵ ASASI ialah sebuah pertubuhan ilmiah yang ditubuhkan pada 29 Mei 1977. Tujuan penubuhannya adalah untuk menghidupkan semula tradisi sains berasaskan al-Quran. Maklumat lanjut tentang pertubuhan ini boleh diperoleh melalui laman sesawang <http://www.kesturi.net/>

Melayu. Mohamad Alinor Abdul Kadir (2005) mengkaji tentang, *Etnomatematik dan Bahasa Melayu*. Terdapat juga kajian dalam bidang perkapalan, pertukangan, pertanian, pengairan, pelayaran, penangkapan ikan yang diusahakan oleh Wan Ramli Wan Daud (1993), dengan artikelnya, *Sejarah Teknologi pada Zaman Islam*. Sementara itu teknologi Melayu dalam pencelupan dan pewarnaan telah diusahakan oleh Che Husna Azahari (1997) menerusi kajian beliau, *Teknologi Warna Alam Melayu*.

Walau bagaimanapun, kajian kearifan tempatan/kepastakaan ilmu tradisional yang berhubung etnosains dan etnoteknologi ilmu landskap Melayu dengan menggunakan karya Melayu tradisional sebagai sumber utama kajiannya masih kurang mendapat perhatian daripada para pengkaji, khususnya pengkaji sastera. Oleh itu kajian terhadap ilmu landskap Melayu adalah penting bagi meneroka satu lagi bidang baharu dalam kearifan tempatan Melayu/kepastakaan ilmu tradisional. Tambahan pula perkara ini jarang dibahaskan secara akademik dan serius, apatah lagi menerusi teks-teks karya Melayu tradisional yang turut memaparkan pelbagai aspek kehidupan manusia termasuklah dalam bidang seni bina landskap.

1.2 Permasalahan Kajian

Setakat hari ini karya Melayu tradisional pelbagai genre turut digunakan sebagai sumber untuk mengkaji kearifan tempatan bangsa Melayu terutama dalam bidang astronomi, ilmu perubatan, ilmu pertukangan, dan sebagainya. Tinjauan mendapati sukar menemukan kajian yang menggunakan karya Melayu tradisional sebagai bahan atau sumber rujukan utama untuk membahaskan tentang ilmu landskap Melayu

tradisional secara khusus. Seni bina landskap Melayu tradisional agak sukar untuk diterjemahkan kerana kekurangan rekod atau catatan (Mohd Kher Hussein, Norizan Mohamed, dan Mustafa Kamal Mohd. Sahriff, 2008, hlm. 37). Hal ini ditambah lagi dengan perkembangan seni bina landskap yang agak lambat di Malaysia. Seni bina landskap di Malaysia hanya berkembang setelah kedatangan penjajah, bermula daripada Portugis, Belanda, dan Inggeris. Kedatangan mereka, terutamanya Inggeris telah sedikit demi sedikit menghakis tradisi landskap Melayu zaman silam dan menojolkan ciri-ciri landskap Inggeris seperti yang terdapat di Taman Tasik Perdana, Kuala Lumpur, Taman Tasik Taiping, Perak, dan Taman Botani, Pulau Pinang (Mohd. Kher Hussein, Norizan Mohamed dan Mustafa Kamal Mohd. Sahriff, 2008, hlm. 37).

Walau bagaimanapun, masyarakat Melayu memang telah memiliki ilmu landskap seperti yang difahami dalam konteks hari ini, tetapi dengan istilah dan pendekatannya yang tersendiri. Hal ini dapat dikaji dalam karya Melayu tradisional melalui deskripsi latar tempat yang menceritakan kehebatan landskap ibu negeri/ibu kota pelbagai kerajaan Melayu, istana, dan taman-taman raja Melayu di dalamnya. Di samping itu karya Melayu tradisional turut mengetengahkan kisah-kisah pembukaan sesebuah negeri yang menunjukkan bagaimana mereka memilih dan menentukan tapak yang sesuai untuk mendirikan istana, ibu negeri/ibu kota kerajaan Melayu. Kedua-dua perkara ini berupaya menyerlahkan “worldview” masyarakat Melayu zaman silam tentang skop ilmu landskap seperti yang difahami dalam konteks moden hari ini, khususnya dalam aspek reka bentuk dan perancangan tapak

landskap⁶. Namun, semua perkara tersebut masih tersimpan dan tersembunyi dalam karya Melayu tradisional, tidak dikaji atau diketengahkan untuk perbincangan akademik. Oleh hal yang demikian, ilmu landskap Melayu seperti yang dipaparkan dalam karya Melayu tradisional perlu dikaji, dikeluarkan, dan dibahaskan sebagai suatu bukti penguasaan ilmu tersebut oleh masyarakat Melayu zaman silam.

Dalam konteks kajian ilmu landskap Melayu, perkara asas yang perlu diketahui ialah memahami peranan landskap dalam masyarakat Melayu zaman silam. Perkara ini boleh dikaji melalui cara masyarakat Melayu zaman lampau berinteraksi dengan alam sekitar untuk memenuhi keperluan hidup dalam pelbagai aspek seperti politik, ekonomi, sosial, budaya, dan agama. Dengan mengetahui dan memahami pola interaksi tersebut barulah kajian tentang ilmu landskap Melayu dapat dibuat. Hal ini demikian kerana sesuatu ilmu lahir bagi membantu manusia mengisi dan memenuhi segala keperluan hidupnya. Persoalannya, bagaimanakah cara terbaik untuk mengkaji perhubungan manusia Melayu zaman lampau dengan persekitarannya? Perkara itu telah berlalu dan tidak ada catatan sejarah yang sistematik dan lengkap berkenaan hubungan masyarakat Melayu dengan landskapnya untuk dijadikan sumber rujukan.⁷ Oleh itu karya Melayu tradisional perlu dikaji untuk memahami bagaimana masyarakat Melayu berinteraksi dengan landskap atau alam sekitarnya untuk memenuhi keperluan hidup mengikut adat dan budayanya melalui kisah-kisah yang diketengahkan.

⁶ Bidang pengajian ilmu landskap pada hari ini dapat dibahagikan kepada tiga yang utama, iaitu perancangan landskap, perancangan tapak landskap dan reka bentuk landskap. Lihat Mohd. Kher Hussein, Noorizan Mohamed, dan Mustafa Kamel Mohd Shariff (2008) dalam buku *Pengenalan kepada Asas Seni Bina Landskap*.

⁷ Lihat perbincangan Mohd. Kher Hussein, Norizan Mohamed dan Mustafa Kamal Mod Shariff (2008).

Perbahasan tentang landskap Melayu dengan prinsip-prinsipnya yang tersendiri sukar ditemukan dalam kajian landskap mutakhir. Hal ini demikian adalah kerana kekangan dalam mengumpulkan data, terutamanya dalam kajian yang bersifat lapangan. Arus pembangunan telah menyebabkan kebanyakan tapak kajian landskap Melayu seperti Istana Seri Menanti, Negeri Sembilan, Istana Jahar, Kelantan, dan Istana Gelam di Singapura mengalami pemodenan. Situasi ini menyukarkan usaha mengkaji prinsip ilmu landskap Melayu yang asli kerana tapak landskap istana yang sedia ada kini sudah bercampur aduk dengan unsur seni bina landskap moden. Dalam hal ini, karya Melayu tradisional dapat dirujuk sebagai bahan yang mampu digunakan untuk mengenal pasti dan mengetengahkan prinsip landskap Melayu yang asli kerana di dalamnya banyak menyajikan kehebatan masyarakat Melayu dalam ilmu landskap, terutamanya ketika memilih tapak dan mengubah landskap ibu kota/ibu negeri, istana, dan taman dengan prinsip-prinsipnya yang tersendiri.

1.3 Objektif Kajian

Pertama, objektif kajian ini adalah mengkaji ilmu landskap Melayu dengan menggunakan karya Melayu tradisional sebagai sumber kajian. Kebanyakan kajian berkenaan landskap Melayu yang dibuat bersumberkan tinjauan lapangan oleh pengkaji-pengkaji landskap moden sebelum ini jarang membincangkan ilmu landskap Melayu tradisional secara khusus dan menyeluruh. Dalam hal ini pengkaji landskap bergantung sepenuhnya kepada tapak kajian dan tokoh-tokoh landskap/budaya untuk mengkaji aspek-aspek tertentu dalam landskap Melayu. Misalnya, landskap istana, perkampungan Melayu dan rumah Melayu tradisional. Kajian ini biasa dilakukan dalam dalam bidang seni bina landskap.

Walau bagaimanapun, karya Melayu tradisional juga dilihat sebagai satu lagi sumber penting yang boleh digunakan untuk mengkaji ilmu landskap Melayu seperti yang difahami dalam konteks ilmu landskap moden pada hari ini. Hal ini demikian kerana kesemua karya tersebut ialah dokumentasi sosial tentang pelbagai perkara termasuklah bagaimana masyarakat Melayu zaman silam merancang dan mereka bentuk landskap, sesuai dengan keperluan politik/kenegaraan, ekonomi, sosial, agama, dan budaya mereka. Oleh itu, karya Melayu tradisional menyediakan ruang yang sangat luas sebagai sumber untuk mengkaji ilmu landskap Melayu berdasarkan deskripsi latar tempat yang mendasari teks dan juga konteks cerita yang diketengahkan oleh pengarangnya.

Kedua, kajian ini bertujuan mengkaji peranan landskap dalam kehidupan masyarakat Melayu zaman silam berdasarkan karya Melayu tradisional. Perkara ini boleh dikaji dalam karya Melayu tradisional yang memaparkan bagaimana masyarakat Melayu zaman silam berinteraksi dengan alam sekitar untuk memenuhi keperluan hidup dalam seluruh aspek kehidupan, meliputi bidang ekonomi, sosial, budaya dan agama. Misalnya, dalam memenuhi keperluan politik dan ekonomi negara yang kukuh serta stabil, karya Melayu tradisional menggambarkan raja-raja Melayu zaman silam gemar memilih kawasan yang bertanah tinggi dan berhampiran dengan sungai/laut sebagai tapak untuk mendirikan istana atau negeri.⁸ Pola interaksi atau hubungan manusia dengan alam sekitar yang menjelaskan peranan landskap dalam memenuhi keperluan ekonomi ini dapat menjelaskan skop ilmu landskap yang

⁸ Perkara ini boleh dilihat dalam kebanyakan karya sastera sejarah, contohnya *Sulalatus Salatin/Sejarah Melayu* dan *Hikayat Merong Mahawangsa* menerusi episod raja-raja Melayu memilih tempat untuk mendirikan negeri atau istana.

telah dikuasai (dalam kes ini, ialah ilmu mengenal tapak) oleh masyarakat Melayu zaman silam dengan prinsip-prinsipnya yang tersendiri.⁹



PustakaTBainun



ptbupsi

Objektif yang seterusnya adalah untuk mengkaji prinsip landskap Melayu berdasarkan karya Melayu tradisional dengan bertitik tolak daripada “Theory of Landscape Aesthetics”. Teori ini dipilih kerana sifatnya yang universal dan boleh dijadikan asas dalam mengkaji prinsip landskap Melayu berbanding teori-teori landskap yang lain.¹⁰ Tinjauan literatur mendapati kajian tentang landskap Melayu dengan identifikasinya berdasarkan suatu prinsip tertentu sukar dilakukan kerana kekangan dalam memperoleh data-data dalam kajian yang bersifat lapangan.

Walaupun begitu, perkara ini dapat diatasi kerana karya Melayu tradisional menyediakan ruang yang luas untuk mengumpulkan data-data berkaitan prinsip-prinsip landskap Melayu melalui pelbagai catatan yang memaparkan wujud kriteria-kriteria tertentu ketika raja-raja Melayu memilih tapak atau mengubah landskap. Untuk tujuan tersebut kajian ini perlu bertitik tolak daripada suatu teori landskap yang universal kerana masih bersifat perintis dan julung-julung kali dilakukan. Dalam konteks ini prinsip-prinsip ilmu landskap Melayu boleh dibahasakan dengan bertitik tolak daripada prinsip dalam “Theory of Landscape Aesthetics” oleh Bourassa (1988,1990).

⁹ Pemilihan tapak pada kawasan yang beraras tinggi memperlihatkan aplikasi prinsip landskap yang memberi kutamaan kepada pembangunan landskap yang berupaya menawarkan tempat tinggal yang selamat kepada penghuninya. Kedudukan istana pada kedudukan yang tinggi memudahkan pemantauan terhadap kehadiran musuh senang dilakukan, malah dikatakan sebagai suatu strategi yang baik untuk pertahanan negara apabila diserang musuh. Sementara kedudukan yang berhampiran sungai/laut pula penting dalam menjana ekonomi negara kerana laut dan sungai menjadi jalan perhubungan yang penting untuk kegiatan perdagangan. Perkara ini akan dibincangkan dengan lebih mendalam dalam Bab 4, Bab 5 dan Bab 6.

¹⁰ Perkara ini akan dibincangkan dengan lebih lanjut dalam Bab 2 nanti.

Teori ini menghubungkan estetika landskap dengan peranan atau keupayaan landskap dalam memenuhi keperluan manusia dalam dua keperluan asas, iaitu keperluan biologiikal dan budaya. Dalam memenuhi keperluan biologiikal, landskap harus berupaya menawarkan fungsi keselamatan dan perlindungan diri kepada manusia. Sementara dalam memenuhi keperluan budaya pula pembangunan landskap mestilah berupaya menonjolkan identiti suatu bangsa dan seterusnya menstabilkan identiti budaya bangsa tersebut untuk dipertahankan dan dikekalkan pada hadapan. Hal ini dibincangkan panjang lebar dalam artikelnnya, "Toward a Theory of Landskap Aesthetics".

Walau bagaimanapun, pada tahun 1990, Bourassa memperkukuhkan teori tersebut dengan mengemukakan "Personal Bases/Personal Mode" (mod individu) sebagai satu lagi perkara penting yang perlu diambil kira dalam membangunkan sebuah landskap yang mampu memberi kepuasan estetika kepada manusia, di samping keperluan biologiikal dan keperluan budaya menerusi artikelnya "A Paradigme for Landscape Aesthetics". Dalam hal ini mod individu merujuk kepada kreativiti individu tertentu (khususnya pereka bentuk landskap) yang berkait rapat dengan teori kreativiti dan aplikasinya alam estetika landskap. Hal ini ditegaskan oleh Bourassa (1990, hlm. 804) menerusi petikan berikut: "Thus an important part of research agenda with respect to the personal mode is concerned with theories of creativity and their application to landscape aesthetics."

Dalam artikel tersebut Bourassa (1990, hlm. 787) menekankan tentang penggabungan keperluan biologiikal, budaya, dan kreativiti individu sebagai sebuah paradigma atau kerangka pemikiran yang komprehensif dalam kajian estetika

landskap.¹¹ Perkara ini ditegaskan oleh Bourassa (1990, hlm. 787) dalam satu pernyataannya, “... the article combines biological, cultural, and personal bases for aesthetics in comprehensive paradigm for research in landscape aesthetics.” Dalam hal ini paradigma estetika landskap bukan sahaja lahir daripada tingkah laku manusia, iaitu keperluan biologikal dan budaya seperti yang dibincangkan dalam artikel terdahulu, tetapi turut juga dipengaruhi oleh pemikiran manusia, iaitu kreativiti individu dalam mengubah landskap. Dalam konteks ini Bourassa (1990) menerusi artikel tersebut menyatakannya seperti berikut:

“If both biology and culture serve as distinct bases for aesthetic behavior, then it is necessary to go beyond both biological and cultural determinism toward a theory that would fully embrace both biological and cultural factors. In addition, it is necessary to consider the role of personal idiosyncrasies and particularly personal creativity, both of which seem to have a certain degree of autonomy from biological and cultural factors” (Bourassa, 1990, hlm. 790).



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

Gabungan pemikiran manusia dan tingkah laku manusia dengan tiga mod atau kaedah utama, iaitu keperluan biologikal, budaya, dan kreativiti individu dalam pembangunan landskap dikatakan dalam mampu memberi pengalaman estetik/kepuasan estetik yang lebih bermakna kepada manusia terhadap landskap/persekitaran yang dihuni. Walau pun begitu, dikatakan tiga mod tersebut mencorakkan sebuah sistem atau set kekangan dan peluang dalam estetika landskap yang masing-masing dilabelkan sebagai undang-undang (biologikal), peraturan (budaya), dan strategi (kreativiti individu). Hal ini ditegaskan oleh Bourassa (1990, hlm. 787) dalam pernyataannya, “ ... Three modes are characterized as sets of aesthetic constraints and opportunities labeled laws, rules, and strategies.”



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

¹¹ Lihat Bourassa S.C. (1990) dalam “A Paradigm for Landscape Aesthetics”.

Dalam konteks ini Bourassa (1990) menegaskan paradigma landskap yang menggabungkan tiga mod utama ini sangat berguna untuk membina kerangka soalan kajian dalam penyelidikan ilmu landskap. Contohnya, sejauh manakah kreativiti seorang pereka bentuk landskap boleh dikekang oleh peraturan budaya yang wujud dalam masyarakatnya? Dan bilakah pula pereka bentuk landskap tersebut harus tunduk kepada peraturan budaya masyarakatnya? Bilakah pula masanya seseorang arkitek landskap tersebut boleh mencuba untuk mengubah nilai budaya tersebut? Dan bilakah pula pereka bentuk landskap perlu menggunakan strategi yang berbeza, tetapi masih dalam lingkungan konteks peraturan yang wujud dalam masyarakatnya? Hal ini ditegaskan oleh Bourassa (1990) dalam pernyataan berikut:

“The tripartite paradigm is also helpful in framing research questions. For example, questions about the role of designer or planner can be viewed as questions about the role of personal strategies within the context of cultural rules (and, rather more speculatively, biological laws). In other words, how should the designer’s creativity be constrained by existing values? When should designer be subservient to existing values? When should the designer attempt to change the rules? And when should designers merely employ different strategies within the context of existing rules” (Bourassa, 1990, hlm. 806-807).

Berdasarkan persoalan-persoalan yang dibangkitkan oleh Bourassa (1990) dalam pernyataan di atas, beliau sebenarnya telah memberikan gambaran tentang perkaitan antara tiga mod utama dalam pembinaan sebuah paradigma estetika landskap, iaitu biologikal, budaya dan kreativiti individu. Dalam hal ini, Bourassa (1990) lebih berpandangan terbuka, iaitu memberikan peluang kepada pereka bentuk landskap untuk mengubah landskap mengikut kreativiti mereka yang tersendiri.

Walaupun begitu, pereka bentuk tersebut harus tahu batas-batas atau kekangan tertentu seperti mengetahui bilakah dia harus tersebut harus tunduk kepada peraturan budaya masyarakatnya (bahkan undang-undang biologikalnya), dan bilakah pula



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

masanya dia boleh mengubah nilai budaya tersebut? Pereka bentuk landskap tersebut juga perlu mengetahui bilakah pula masanya dia perlu menggunakan strategi yang berbeza, tetapi masih dalam lingkungan konteks peraturan (budaya) yang wujud dalam masyarakatnya?

Berdasarkan tiga perkara penting dalam “A Paradigme for Landscape Aesthetics” tersebut, iaitu mod biologikal, budaya dan kreativiti individu yang dibincangkan tadi, kajian ini menjadikannya sebagai titik tolak untuk mengenal pasti prinsip-prinsip ilmu landskap Melayu. Dalam hal ini, kajian dapat dibuat untuk meninjau sejauhmana landskap memainkan peranan dalam kehidupan masyarakat Melayu? Adakah sekadar untuk memenuhi keperluan biologikal dan budaya? Sejauh mana pula aspek kreativiti individu dalam kalangan arkitek landskap Melayu zaman silam mempengaruhi sesuatu gubahan landskap pada zaman silam? Di sinilah akhirnya bagaimana “Theory of Landscape Aesthetics” dapat dijadikan sebagai titik tolak untuk mengenal pasti prinsip landskap Melayu berdasarkan karya Melayu tradisional dengan lebih jelas dan terperinci.

Objektif yang terakhir adalah untuk menjadikan aspek sastera dalam karya Melayu tradisional sebagai suatu perkara penting dalam menyampaikan ilmu landskap dalam kajian ini, khususnya landskap Melayu. Hal ini demikian kerana karya Melayu tradisional ditulis untuk merakamkan atau mendokumentasi sejarah peradaban bangsa dalam pelbagai aspek. Dalam konteks ini, ilmu landskap boleh disampaikan melalui aspek isi kandungan/cerita dan latar tempat dalam teks yang memperlihatkan kehebatan landskap ibu kota kerajaan Melayu, istana dan taman. Melalui isi kandungan/cerita dan deskripsi latar tempat yang menjadi sebahagian

daripada isi teks, secara tidak langsung pengarang karya Melayu tradisional telah menjadikan aspek sastera sebagai suatu medium untuk menyampaikan perkembangan ilmu landskap dalam budaya mereka tanpa disedari. Oleh itu, satu daripada objektif kajian ini adalah untuk menjadikan aspek sastera (latar tempat dan isi kandungan/cerita) dalam karya Melayu tradisional sebagai satu aspek penting dalam menyampaikan ilmu landskap Melayu.

1.4 Kepentingan Kajian

Kajian ini dapat mengangkat karya Melayu tradisional sebagai sumber utama dalam mengkaji ilmu landskap Melayu. Kebanyakan kajian tentang landskap bersumberkan tapak-tapak landskap di kawasan tertentu sebagai sumber utama kajian. Hal ini memang sudah menjadi kelaziman dalam bidang seni bina landskap. Sebaliknya, kajian ini menggunakan karya Melayu tradisional sebagai sumber utama untuk mengkaji tentang ilmu landskap Melayu yang masih jarang diperkatakan secara ilmiah dan meluas. Secara tidak langsung kajian ini dapat mengangkat aspek sastera dalam karya Melayu tradisional (latar tempat dan isi kandungan/cerita) dalam karya sebagai suatu sumber utama kajian dalam bidang landskap khususnya ilmu landskap Melayu.

Kajian ini mengemukakan ilmu landskap Melayu sebagai satu daripada kearifan tempatan/kepuustakaan ilmu tradisional atau kajian etnosains dan etnoteknologi Melayu yang boleh dibanggakan. Kajian kearifan tempatan sebelum ini telah mengetengahkan kehebatan masyarakat Melayu dalam pelbagai bidang seperti astronomi, perkapalan, perdagangan, seni bina, matematik, perubatan, dan